

1984

KUALA LUMPUR, 9 JAN (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI WALAUPUN RAJA TIDAK BOLEH DIBICARA DALAM MAHKAMAH, NAMUN INI TIDAK BERMAKNA RAJA BEBAS UNTUK MELAKUKAN JENAYAH, MENYIKSA SESIAPA, MERAMPAS HARTA ATAU MUNGKIR DALAM BAYARAN-HUTANG. IAITU TIDAK BERMAKNA BAHAWA PERBUATAN YANG DIANGGAP SALAH BAGI RAKYAT BIASA TIDAK SALAH BAGI RAJA, KATA PERDANA MENTERI KETIKA MEMBENTANGKAN RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1984 DI DEWAN RAKYAT.

KATANYA SEMUA RAKYAT OALAM MALAYSIA DIBERI PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG YANG DITADBIR OLEH MAHKAMAH TETAPI PERKARA 181(2) MENYEBUT SAHAWA: +TIDAK APA-APA PERBICARAAN BOLEH DIBAWA DALAM MANA-MANA MAHKAMAH TERHADAP RAJA SAGS SESUATU NEGERI ATAS SIFAT DIRINYA SENDIRI.

DARI SEGI PERANAN DALAM PEMERINTAHAN ADALAH JELAS SAHAWA RAJA BERTINDAK TERTAKLUK KEPADA UNDANG-UNDANG UTAMA NEGARA IAITU PERLEMBAGAAN TETAPI DALAM TINDAKAN ALIAS SIFAT DIRINYA SENDIRI, RAJA TIDAK BOLEH DIDAKWA DI MAHKAMAH BIASA.

MENURUTNYA MAKSUD PERUNTUKAN PERKARA 181 (2) IALAH RAJA TIDAK BOLEH DIBICARA DALAM MAHKAMAH SAHAJA.

-- LAGI 1753/LK  
PARLIMEN - RAJA 2 KUALA LUMPUR \*

PERDANA MENTERI MEMARIK PERHATIAN SEPUCUK SURAT DARIPADA ANGGOTA PARLIMEN JELUTONG, ENCIK KARPAL SINGH KEPADA BELIAU PADA BULAN DISEMBER 1982 TENTANG PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG BERHUBUNG DENGAN TINDAKAN RAJA.

+SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI MEMBANGKITKAN SATU PERKARA YANG ADA KAITAN SECARA TIDAK LANGSUNG DENGAN TAJUK PINDAAN PERLEMBAGAAN YANG DIKEMUKAKAN INI.

+ANGGOTA DARI JELUTONG DAN RAKYAT TIDAK HARUS KHUATIR KERANA JENAYAH TIDAK BOLEH DILAKUKAN OLEH RAJA YANG MEMERINTAH WALAUPUN BAGINDA BEBAS DARI TINDAKAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG YANG DITADBIR OLEH MAHKAMAH BIASA, + KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PERLEMBAGAAN TIDAK BERMAKSUD SAHAWA PERSUATAN JENAYAH BOLEH DITAFSIR SEBAGAI KEISTIMEWAAN BAGI RAJA-RAJA YANG MEMERINTAH.

-- LAGI 1756/LK  
PARLIMEN - RAJA 3 KUALA LUMPUR

DALAM UCAPANNYA ITU JUGA PERDANA MENTERI TELAH MENGHURAIKAN TENTANG TINDAKAN UMNO MENGHALANG PENUBUHAN MALAYAN UNION YANG DITAJA OLEH BRITISH DAN MENGEMBALIKAN STATUS RAJA-RAJA YANG BERDAULAT OALAM NEGERI.

BERKENAAN PERKARA 150 MENGENAI PERISYTIHARAN DARURAT DAN JUGA SEKSYEN SEBELAS KEPADA JADUAL KELAPAN KERAJAAN- BERCADANG UNTUK MEMANSUHKAN PERUNTUKAN YANG ADA SEKARANG DAN BERBALIK KEPADA PERUNTUKAN YANG ASAL.

INI ADALAH JUGA MERUPAKAN TAWARAN KERAJAAN DALAM USAHA BERTOLAK-ANSUR DENGAN RAJA-RAJA APABILA BAGINDA KHUATIR DENGAN PERUNTUKAN YANG ADA SEKARANG, KATANYA.

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN HENDAK MEMANSUHKAN SEKSYEN 4(2) KEPADA JADUAL KELAPAN UNTUK MEMBOLEHKAN DEWAN UNDANGAN NEGERI MENENTUKAN BILANGAN ANGGOTA DEWAN TANPA APA-APA SEKATAN.

SEKSYEN 4 (1) JADUAL ITU MEMPERUNTUKAN BAHAWA BILANGAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI ADALAH SEPERTI YANG DITENTUKAN OLEH UNDANG-UNDANG YANG DILULUSKAN OLEH DEWAN TERSEBUT.

-- LAGI 1803/LK

PARLIMEN - RAJA 4 KUALA LUMPUR

NAMUN DEMIKIAN, BILANGAN ITU HENDAKLAH DITETAPKAN MENGIKUT FORMULA YANG DIPERUNTUKAN DALAM SEKSYEN 4 (2) JADUAL YANG SAMA KERANA KERAJAAN BERPENDAPAT FORMULA YANG DITETAPKAN OLEH SEKSYEN ITU TIDAK LAGI SESUAI DAN ADA KALANYA SUKAR HENDAK DIPRAKTIKAN, KATANYA.

KATANYA CADANGAN ITU JUGA MEMBERI KELONGGARAN KEPADA DEWAN UNDANGAN MENENTUKAN BILANGAN ANGGOTA DEWAN ITU TANPA KAITAN DENGAN BILANGAN ANGGOTA DEWAN RAKYAT.

-- BERNAMA 1806/LK